

MYUniMAP  
Edisi XXXVI  
BERITA

## UniMAP TUBUH PUSAT KECEMERLANGAN KEJURUTERAAN SUKAN

Oleh : Mohd Basri Basir

PAUH PUTRA, 11 Oktober– Pelbagai program pembangunan sukan telah dianjurkan kerajaan dalam usaha melahirkan lebih ramai atlet bertaraf dunia.

Sehubungan itu, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) komited dalam membantu negara untuk menjadikan usaha itu sebagai satu kenyataan.

Pengurus Pusat Penyelidikan Kejuruteraan Sukan (SERC) UniMAP, Prof. Madya Mazelan Abdul Hamid berkata, SERC berfungsi untuk melaksanakan program pembangunan dan penyelidikan yang berkaitan dengan kemajuan sukan dalam menyelesaikan isu serta masalah yang berkaitan pembangunan sukan.

SERC dilancarkan oleh Naib Canselor UniMAP, Datuk Prof. Dr. Zul Azhar Zahir Jamal sempena Majlis Anugerah Kecemerlangan Penyelidikan dan Sukan UniMAP 2017 baru-baru ini.

Lebih 200 penyelidik dan atlet diraikan dalam majlis tersebut bagi meraikan kejayaan dalam pertandingan penyelidikan dan kejohanan sukan sepanjang 2017.

